

19 NOV 2002

Pelantikan-Reaksi/I

PELANTIKAN DR JAMALUDDIN KEPUTUSAN YANG TEPAT, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Pelantikan Pengerusi Tenaga Nasional Bhd Datuk Dr Jamaluddin Jarjis sebagai Menteri Kewangan II adalah pilihan yang tepat, kata Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

"Pelantikan itu menunjukkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi membuat pilihan tepat. Jamaluddin adalah seorang yang berpengalaman luas dalam pengurusan dan kami ingin mengucapkan tahniah kepadanya," katanya kepada Bernama dalam temubual melalui telefon dari Amerika Syarikat petang ini.

"Beliau juga mempunyai pengalaman luas dalam perkara-perkara berhubung kewangan dan ekonomi," katanya. Dr Mahathir adalah Menteri Kewangan.

Beliau juga berkata pelantikan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Zainuddin Maidin sebagai Timbalan Menteri Penerangan juga merupakan satu langkah bijak.

"Kedua-dua pemimpin telah membuktikan kepada rakyat Malaysia bahawa mereka berkebolehan memikul tanggungjawab besar yang diberikan kepada mereka dan kini tiba masanya untuk mereka bekerja dengan lebih kuat," katanya.

Sementara itu, Presiden Parti Progresif Penduduk dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Senator Datuk M. Kayveas berkata pelantikan hari ini menunjukkan kerajaan serius untuk memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

"Mereka yang dilantik sangat berwibawa dan sentiasa berkhidmat demi rakyat...Jamaluddin telah membuktikan kebolehannya dan adalah baik beliau berfungsi sebagai tulang belakang kepada Dr Mahathir," katanya.

Mengenai dua lagi pelantikan, beliau berkata kedua-dua pemimpin wajar dinaikkan pangkat terutamanya dengan prestasi cemerlang sebagai timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

"Prestasi Tengku Adnan amat baik semasa berkhidmat sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri manakala Datuk Zainuddin sering memberikan idea baru sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Penerangan," katanya.

Di PEKAN, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan pelantikan Dr Jamaluddin sebagai tepat.

"Dengan pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada padanya selama ini sebagai seorang usahawan dan sebagai Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) dah terbukti kemampuannya untuk membantu Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan Pertama," katanya selepas merasmikan pemasangan kereta perisai ACV300 di kilang Deftech di sini.

Kereta perisai itu merupakan antara 211 unit kenderaan yang dibeli daripada FNSS Defence Systems dari Turki untuk kegunaan Angkatan Tentera Malaysia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menyifatkan pelantikan Dr Jamaluddin satu sinambungan dalam sistem pemerintahan negara.

Menurutnya, Dr Jamaluddin dilihat sebagai wakil golongan muda dalam arena pemerintahan yang mampu untuk mengenengahkan idea-idea bernas sekaligus mengemudikan institusi kewangan negara ke tahap yang lebih mantap.

Beliau berkata, individu yang proaktif dan tekun bekerja seperti Dr Jamaluddin perlu terus bekerja bersama-sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan lebih akrab untuk melahirkan kejayaan yang lebih

cemerlang.

"Saya percaya pelantikan ini adalah menurut pandangan Perdana Menteri dan kemampuan beliau untuk berfikir mengenai kepentingan negara.

"Untuk satu tugas yang penting seperti ini, ia perlukan kesesuaian dan saya percaya (Dr) Jamaluddin memiliki kesesuaian itu kerana beliau dari golongan muda, dan duduk pula dalam Majlis Tertinggi (Umno)," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas majlis berbuka puasa di kediamannya di sini malam ini.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob pula menganggap perlantikan ketiga-tiga tokoh terbabit sebagai "deserving cases" dan percaya mereka akan mendapat kepercayaan daripada semua pihak.

Menurutnya, pengalaman yang ada pada Dr Jamaluddin menjadikan beliau sebagai tokoh yang amat sesuai membantu Perdana Menteri menguruskan Kementerian Kewangan.

"Saya juga berbangga kerana setiausaha kerja saya (Adnan) yang naik pangkat menjadi Menteri manakala Setiausaha Parlimen "Datuk Zam" menjadi Timbalan Menteri," katanya.

Menjawab satu soalan mengenai rasional kewujudan dua timbalan Menteri Penerangan, Khalil berkata ia adalah perkara biasa kerana kementerian tersebut memang pernah mempunyai dua timbalan menteri sebelum ini.

Khalil berkata beliau percaya ia diwujudkan semula memandangkan beban tugas kementerian yang semakin meningkat seperti usaha meningkatkan liputan dan kerjasama pertukaran maklumat serta berita dengan negara-negara luar seperti program perkongsian pintar South-south Information Gateway dan Smart News Network International.

-- BERNAMA
AZH AZH MOZ